



Rujukan Kami : KP(PP) 0013/98(9)

Tarikh : 6 Januari 2014
4 Rabiulawal 1435H

Puan Lok Yim Pheng

Setiausaha

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia

13&15, Jalan Murai Dua

Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh

51100 Kuala Lumpur

Puan,

RAYUAN MENGEKALKAN JAWATAN PENOLONG KANAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) GRED DGA34 SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat puan rujukan (12)d/m.KPPK(IP)PP 5/(11-14)/(16) dan (10) d/m.KPPK/(IP)PP5/(11-14)/(16) bertarikh 25 September 2013 mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menyemak maklumat yang dikemukakan oleh puan dan didapati pegawai-pegawai tersebut telah dinaikkan pangkat ke Gred DGA32 secara *Time-Based* Khas Untuk Penyandang (KUP) pada **01 Januari 2005** dan layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred DGA34 secara TBBK setelah genap 8 tahun tempoh perkhidmatan di atas Gred DGA32 pada **01 Januari 2013** setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Semakan Bahagian ini juga mendapati bahawa pegawai-pegawai berkenaan telah ditawarkan penempatan hakiki ke jawatan Penolong Kanan Kokurikulum di SK Kampung La, SK Keruak dan SK Seberang Jerneh berkuat kuasa pada **16 Februari 2013** dan **16 Mac 2013** iaitu lebih awal daripada tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat dikeluarkan, yang mana tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat secara TBBK pegawai-pegawai tersebut ke Gred DGA34 telah dikebelakangkan ke **01 Januari 2013**.

4. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) Bil.9/2013 bertarikh 29 Oktober 2013 telah memutuskan bahawa bagi mana-mana PPPLD yang telah dinaikkan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) Gred DGA34 lebih awal daripada penempatan hakiki

...2/-



ke Gred DGA32, pegawai **boleh dikekalkan** di jawatan yang sama. Sehubungan dengan itu, pegawai yang terlibat boleh kekal menjawat jawatan Guru Penolong Kanan.

Sekian untuk makluman.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SHARIFAH RUHANI BINTI SYED ABU BAKAR)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel : 03-8884 7919

Emel : s.ruhani.moe@1govuc.gov.my

s.k

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

(u.p.: Unit Sekolah Rendah)

KP(PP)SULIT 0063/131/2/11/JILID 7